

KESAN IBADAH SOLAT TERHADAP KEPIMPINAN DIRI BELIA

Haslina Bt Hamzah
Noor Shamshinar Bt Zakaria
Zetty Nurzuliana Bt Rashed
Sapie Sabilan

Fakulti Pendidikan,
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

haslina@kuis.edu.my

ABSTRAK

Solat yang didirikan dengan baik dan sempurna sudah pasti akan mendapat ganjaran daripada Allah S.W.T di samping menjadi pemangkin bagi setiap kejayaan. Terdapat pelbagai hikmah apabila mendirikan solat. Antaranya mampu melahirkan individu yang berdisiplin dalam pelbagai aspek seperti kepatuhan kepada waktu, ketaatan kepada pemimpin dan mengawal diri dari melakukan perkara yang dimurkai Allah SWT. Justeru, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti kesan ibadah solat terhadap nilai kepimpinan diri dalam kalangan belia Muslim. Rekabentuk kajian ini adalah kaedah tinjauan (survey) yang menggunakan soal selidik sebagai instrumen kajian. Persampelan kajian ini menggunakan persampelan rawak mudah yang melibatkan responden seramai 384 orang terdiri daripada pelbagai peringkat pengajian di Institut Pengajian Tinggi (IPT) di Selangor. Hasil dapatan kajian menunjukkan kesemua item dalam kajian ini mempunyai nilai min yang tinggi, iaitu 4.00 ke atas. Dapatan menunjukkan bahawa min keseluruhan adalah 4.647 dan nilai sisihan piawai adalah 0.49. Ini menunjukkan bahawa konstruk ini mendapat nilai interpretasi yang tinggi. Implikasi kajian ini menunjukkan tahap kefahaman dan pengamalan ibadah solat memberi kesan positif terhadap kepimpinan diri belia. Oleh itu, beberapa cadangan dan langkah dalam meningkatkan amalan solat yang lebih sempurna perlu diambil supaya kefahaman dan pengamalan ibadah solat dalam kalangan belia Muslim kekal dilaksanakan secara istiqomah.

Kata Kunci : *Kesan, Amalan Ibadah Solat, Kepimpinan Diri, Belia*

1.0 PENGENALAN

Solat merupakan ibadah yang sangat penting sebagai tanda pengabdian diri dengan mengingati Allah SWT. Semua umat Islam sama ada lelaki atau wanita mahupun pelbagai bangsa wajib menunaikan kewajipan bersolat. Ibadah solat ini juga wajib dilakukan oleh setiap umat Islam dalam apa jua keadaan selagi akal masih sihat. Manusia sebagai hamba mesti beriman kepada Allah SWT dan mengetahui bahawa solat itu besar ertinya dalam kehidupan individu dan juga masyarakat. Orang yang bersolat dapat mendekatkan diri kepada Allah, menimbulkan ketenangan dan ketenteraman serta mendapat keampunan Allah.

Solat juga merupakan salah satu daripada rukun Islam yang wajib dikerjakan oleh setiap muslim yang mengaku beriman kepada Allah SWT. Dengan menunaikan solat secara sempurna dapat mendekatkan diri kepada Allah serta dapat mencegah perlakuan dan perbuatan yang mungkar dan keji. Melaksanakan kewajipan solat ini dapat mendekatkan diri kepada Allah SWT, seseorang yang melaksanakan solat akan lebih dinamik, progresif, berdaya tahan, berkarisma dan imej soleh dapat diperlihatkan melalui tingkah laku seharian. Kelalaian menunaikan perintah Allah ini akan menyebabkan seseorang itu lemah pendirian, mudah terpedaya dan rosak segala amalannya (Mohd Kamal Sulaiman & Hafizhah Zulkifli 2021).

Di samping solat adalah satu kefarduan yang wajib dilaksanakan oleh setiap Muslim secara berulang kali pada setiap pagi, petang dan malam, berterusan ke akhir hayat (Noraini Junoh & Nor Asmira Mat Jusoh 2018). Terdapat banyak hikmah apabila seseorang menunaikan solat. Rokiah Ahmad (2009) menyenaraikan beberapa hikmah bersolat antaranya penghapus dosa, melatih diri menjadi seorang yang berdisiplin kerana dengan melakukan solat secara sempurna dapat mendidik dan membiasakan seseorang hidup dalam keadaan teratur dan menghargai waktu. Solat juga mendidik seseorang berada dalam keadaan bersuci sama ada pada badan, pakaian atau tempat. Secara tidak langsung menjadikan jiwa seseorang itu bersih dan melatih seseorang bersikap jujur dan selalu ingat kepada Allah SWT.

Justeru, segala perbuatan dan tingkah laku tidak akan menyalahi dengan batas-batas hukum yang digariskan oleh Allah SWT. Solat merupakan satu ibadah yang diwajibkan ke atas setiap orang Islam dan solat yang sempurna dapat menjauhkan manusia dari segala perbuatan mungkar sebagaimana firman Allah SWT:

“Dan kerjakanlah sembahyang. Sesungguhnya sembahyang itu mencegah perbuatan yang keji dan mungkar”

(Al-Ankabut : 45)

Ibadah solat juga salah satu perintah Allah SWT yang penuh dengan segala hikmah dan kebaikan yang menjamin kesejahteraan hidup manusia. Amalan solat merupakan suatu amalan yang mulia disisi Allah SWT. Solat dapat mendidik jiwa dan rohani bagi setiap manusia. Ia juga bertujuan untuk mengangkat darjat dan martabat manusia yang sering mengamalkannya. Allah SWT telah menjanjikan kejayaan kepada manusia melalui amalan solat ini:

“Sesungguhnya berjajalah orang-orang yang beriman. Iaitu mereka yang khusyuk dalam solatnya”

(Surah al-Mukminun : 1-2)

Justeru, golongan belia juga tidak terkecuali dari tanggungjawab ini dan Islam turut menyarankan golongan belia menggunakan segala keupayaan dan potensi yang ada pada mereka untuk pembangunan intelektual, sahsiah, rohani dan jasmani. Pembangunan belia

menjadi lebih penting seiring dengan dunia Islam masa kini yang berhadapan dengan pelbagai cabaran yang boleh melemahkan intelektual, jasmani dan pegangan akidah hasil dari perubahan sosial dan arus globalisasi. Islam merupakan agama yang indah dan lengkap. Jika para belia benar-benar memahami tanggungjawab dan segala perintah yang telah ditentukan oleh Allah SWT, mereka akan hidup harmoni dan jiwa mereka akan bersih (Saedah Siraj, 2000; Noraini Junoh & Nor Asmira Mat Jusoh 2018).

Selain itu, amalan solat juga membuktikan bahawa pelaksanaannya yang sempurna dapat menjadikan seseorang lebih bertenaga, berdisiplin serta beroleh kecemerlangan. Kecemerlangan diri seseorang individu pula bergantung pada kekuatan diri sendiri. Menurut Ahmad Zabidi Abdul Razak (2003), membina kepimpinan diri merupakan salah satu cara yang efektif untuk seseorang mencapai kecemerlangan diri ini. Dalam menjalani kehidupan sebagai individu yang cemerlang, kekuatan diri bergantung pula pada ilmu yang dimiliki. Oleh itu, bagi memastikan kecemerlangan dan kepimpinan diri yang sebenar, perlu wujud hubungan yang erat antara ilmu yang dimiliki dengan amalan solat yang sempurna. Berdasarkan kesan yang begitu besar daripada amalan solat dalam pembentukan kepimpinan diri, kajian ini memfokuskan tentang kesan ibadah solat terhadap kepimpinan diri dalam kalangan belia Muslim di Selangor.

2.0 OBJEKTIF KAJIAN

Objektif khusus kajian ini adalah untuk mengenalpasti :

- i) Kesan ibadah solat terhadap kepimpinan diri dalam kalangan belia Muslim di Selangor.

3.0 PERSOALAN KAJIAN

Bagi mencapai objektif kajian, persoalan kajian ini adalah :

- i) Apakah kesan ibadah solat terhadap kepimpinan diri dalam kalangan belia Muslim di Selangor.

4.0 METODOLOGI KAJIAN

Kajian yang dijalankan ini merupakan satu kajian berbentuk deskriptif. Menurut Mohd Majid Konting (2004), penyelidikan deskriptif merupakan penyelidikan yang bermatlamat untuk menerangkan sesuatu fenomena yang sedang berlaku. Tujuan kajian ini adalah untuk mengenal pasti kesan ibadah solat terhadap kepimpinan diri dalam kalangan belia Muslim di Selangor. Oleh itu, pengkaji menggunakan reka bentuk kajian kuantitatif menggunakan set borang soal selidik. Sampel kajian ini adalah seramai 384 orang belia Muslim di kawasan Selangor mengikut Jadual Penentuan Saiz Sampel Krejcie dan Morgan (1970) berdasarkan populasi oleh Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES). Persampelan merupakan satu proses memilih sebilangan subjek daripada sesuatu populasi untuk dijadikan sebagai responden kajian (Chua, 2006). Persampelan juga merupakan satu aspek yang penting dalam penyelidikan kerana penggunaan sampel yang tidak sesuai akan mengurangkan kesahan dan kebolehpercayaan kajian. Teknik persampelan yang digunakan dalam kajian ini adalah teknik persampelan rawak mudah.

5.0 DAPATAN KAJIAN

Analisis deskriptif digunakan untuk menganalisis objektif kajian yang mengandungi maklumat berkaitan kesan ibadah solat terhadap kepimpinan diri dalam kalangan belia Muslim di Selangor. Hasil analisis berdasarkan kepada nilai skor min yang mengandungi tiga tahap iaitu tinggi, rendah dan sederhana seperti berikut:

Jadual 1 Nilai skor min

Nilai Skor Min	Tahap
3.67 hingga 5.00	Tinggi
2.34 hingga 3.66	Sederhana
1.00 hingga 2.33	Rendah

Rujukan: Jainabee (2005) dan Mohd. Majid Konting (2005)

Jadual 2 Analisis Deskriptif Item Kesan Ibadah Solat terhadap Kepimpinan Diri

	Minimum	Maksimum	Min	Sisihan Piawai	Varians
B1 Mendekatkan diri dengan Allah S.W.T.	1.00	5.00	4.799	.449	.202
B2 Mencegah daripada melakukan perkara-perkara yang menyalahi agama.	1.00	5.00	4.707	.532	.284
B3 Membentuk peribadi diri yang baik.	1.00	5.00	4.689	.534	.286
B4 Mengawal emosi dan fikiran secara positif.	1.00	5.00	4.676	.553	.306
B5 Memiliki hati yang tenang.	1.00	5.00	4.646	.601	.362
B6 Menjaga kebersihan diri dan persekitaran.	1.00	5.00	4.626	.580	.337
B7 Menjadi seorang hamba yang taat kepada perintah Allah s.w.t.	1.00	5.00	4.704	.538	.290
B8 Membentuk diri menjadi seorang muslim/muslimah yang sejati.	1.00	5.00	4.684	.541	.293
B9 Menghindarkan diri dari terjebak dengan unsur- unsur negatif.	1.00	5.00	4.651	.569	.325
B10 Menjadi anak yang soleh/solehah.	1.00	5.00	4.702	.525	.276
B11 Mengeratkan hubungan dengan orang sekeliling.	1.00	5.00	4.636	.591	.349
B12 Mengamalkan sifat ihsan kepada makhluk Allah yang lain.	1.00	5.00	4.661	.575	.332
B13 Mendisiplinkan diri dengan lebih baik.	1.00	5.00	4.653	.586	.344
B14 Menepati masa dengan melaksanakan tanggungjawab di awal waktu.	1.00	5.00	4.572	.662	.439

B15 Membezakan perkara yang lebih utama.	1.00	5.00	4.600	.615	.378
B16 Menjadikan panduan untuk merancang aktiviti harian.	1.00	5.00	4.529	.654	.428
B17 Memanfaatkan masa dengan aktiviti yang berfaedah.	1.00	5.00	4.539	.669	.448
B18 Menghindarkan diri dari perkara yang melalaikan.	1.00	5.00	4.582	.645	.417
KESAN	13.00	5.00	4.647	8.598	73.938
Bilangan (N)	393				

Jadual di atas menunjukkan huraian terhadap konstruk kepada kesan ibadah solat terhadap kepimpinan diri . Dapatan menunjukkan bahawa min keseluruhan adalah 4.647 dan nilai sisihan piawai adalah 0.49. ini menunjukkan bahawa konstruk ini mendapat nilai interpretasi yang tinggi.

Berdasarkan kepada analisa dapatan menunjukkan kesemua item memberi nilai min yang tinggi dan menunjukkan nilai interpretasi yang tinggi terhadap semua item. Nilai min paling tinggi adalah 4.799 iaitu bagi item 'B1 Mendekatkan diri dengan Allah S.W.T. dengan sisihan piawai 0.449, diikuti dengan item B2 Mencegah daripada melakukan perkara-perkara yang menyalahi agama dengan nilai min 4.707 dan sisihan piawai 0.532. Manakala nilai min yang paling rendah adalah bagi item B16 Menjadikan panduan untuk merancang aktiviti harian dengan nilai min 4.529 dengan sisihan piawai 0.654, diikuti item B17 Memanfaatkan masa dengan aktiviti yang berfaedah dengan nilai min 4.539 dan sisihan piawai 0.669.

6.0 PERBINCANGAN KAJIAN

Analisis daripada hasil dapatan kajian mengenai kesan ibadah solat terhadap kepimpinan diri belia Muslim menunjukkan bahawa belia mempunyai kefahaman yang tinggi tentang ibadah solat. Mereka memahami tanggungjawab dalam melaksanakan ibadah solat dengan baik, mempunyai kesedaran untuk mencegah diri daripada melakukan perkara-perkara yang menyalahi agama, membentuk peribadi diri yang baik, mengawal emosi dan fikiran secara positif, memiliki hati yang tenang, menjaga kebersihan diri dan persekitaran, mendisiplinkan diri dengan lebih baik, membentuk diri menjadi seorang belia muslim/muslimah yang sejati dan menghindarkan diri dari terjebak dengan unsur- unsur negatif. Kesemua kesan ini adalah hasil daripada amalan solat yang dilaksanakan, iaitu belia mempunyai kesedaran tentang peranan mereka sebagai seorang hamba yang perlu taat kepada perintah Allah SWT.

Kesan yang positif daripada amalan solat ini menunjukkan belia mempunyai nilai efikasi sendiri yang tinggi, iaitu mereka memahami tentang kewajipan yang perlu ditunaikan sehingga menampakkan kesan yang positif dalam diri mereka. Menurut Hafiqah Mohd Hairuddin, Halimah Mohd Yusof dan Rabeatul Husna Abdull Rahman (2021), sekiranya seseorang itu mempunyai nilai efikasi sendiri yang tinggi dalam diri akan menjadikan dirinya lebih bersungguh dalam bekerja. Bandura (1997) menyatakan efikasi sendiri ditakrifkan sebagai kepercayaan individu tentang kemampuan mereka untuk menghasilkan tahap prestasi yang diinginkan yang akan memberi kesan terhadap peristiwa yang mempengaruhi kehidupan mereka. Nilai efikasi sendiri ini juga yang menimbulkan keyakinan dan kesungguhan individu tersebut dalam membawa identiti dirinya bagi menyempurnakan sesuatu dengan penuh makna. Justeru, bagi memastikan individu belia mempunyai nilai kepimpinan yang tinggi dan berwibawa dalam melaksanakan kewajipan solat, mereka perlu dibimbing secara berterusan supaya amalan solat ini dapat dilaksanakan secara istiqomah. Belia perlu diingatkan bahawa amalan solat yang dilakukan dengan sempurna dapat menjamin kebahagiaan hidup dan

keselesaan diri bukan hanya di dunia semata-mata malah membantu mereka untuk kesejahteraan hidup di Akhirat.

Selain daripada kesan ibadah solat terhadap kepimpinan diri belia dari aspek intrapersonal, terdapat beberapa pengajaran yang boleh didapati daripada amalan solat bagi meningkatkan nilai kepimpinan diri belia. Amalan solat yang sempurna boleh membantu belia untuk merancang aktiviti harian dengan lebih tersusun dan memanfaatkan masa dengan melakukan aktiviti-aktiviti yang berfaedah di dalam kehidupan seharian. Namun, dapatan kajian menunjukkan item ini mempunyai nilai min yang sederhana tinggi berbanding item-item yang lain walaupun min keseluruhan adalah tinggi. Oleh yang demikian, belia perlu didedahkan dengan pengetahuan am mengenai kesan daripada amalan solat tersebut. Sebagai contoh, bacaan surah al-Fatihah yang menjadi salah satu rukun solat perlu dibaca dengan betul dan tepat kerana bacaan yang salah akan menyebabkan solat tidak sah. Syarat bacaan ini sebenarnya bukan sahaja menentukan sah atau tidak sah solat tersebut tetapi memberi pengajaran kepada kita supaya sentiasa berhati-hati ketika menyebut setiap perkataan bagi mengelak kata-kata yang buruk atau negatif. Penggunaan perkataan yang sopan dan cantik sudah pasti dapat menghindarkan diri kita daripada perbuatan yang boleh menimbulkan fitnah, mengguris hati ataupun menghina seseorang.

Begitu juga kewajipan menunaikan solat perlu disegerakan jika telah masuk waktu sekiranya tiada urusan yang membolehkan seseorang itu lewat-lewatkan solat. Hal ini memberi panduan kepada kita supaya sentiasa menepati masa kerana perbuatan menepati masa merupakan ciri-ciri orang Mukmin. Amalan menepati masa memberi ruang kepada kita untuk melakukan pelbagai aktiviti yang bermanfaat kerana kita telah berjaya mengawal penggunaan masa dengan baik. Perbuatan ini juga dapat menghindarkan diri daripada sifat suka bertangguh ataupun terburu-buru. Selain itu, cara berpakaian yang lengkap dan bersih ketika menunaikan solat mencerminkan keperibadian diri seseorang, iaitu menyerlahkan kehebatan diri dan secara tidak langsung juga boleh mempengaruhi sikap dan sahsiah orang lain. Imej yang menarik menjadikan seseorang itu tampak seorang yang berkarismatik. Begitu juga seseorang pemimpin memerlukan karisma ini untuk merangsang dan memberi inspirasi kepada orang lain, malah, secara tidak langsung penampilan seperti ini akan mengubah tingkah laku dan sikap seseorang ke arah yang lebih baik.

Oleh itu, ibadah solat hendaklah dilaksanakan dengan sempurna kerana kesan daripada amalan solat ini memberi banyak pengajaran kepada belia untuk memimpin diri sendiri ke arah pencapaian diri yang lebih sempurna.

7.0 CADANGAN KAJIAN

Berdasarkan dapatan kajian dan perbincangan, beberapa cadangan dan langkah yang perlu diambil bagi meningkatkan pengetahuan, kefahaman dan pengamalan ibadah solat dalam kalangan belia ialah:

Para belia digalakkan untuk meningkatkan kefahaman dalam ilmu berkaitan fardhu ain khususnya solat dan ilmu fardhu kifayah.

Pihak masjid serta majlis agama digalakkan untuk meningkatkan aktiviti dakwah di jalanan serta memberi pendedahan tentang ilmu fardhu ain dan fardhu kifayah terutamanya ibadah solat secara berjemaah.

Menggalakkan institusi pengajian, pihak berwajib dan pertubuhan bukan kerajaan untuk lebih giat menjalankan kuliah agama serta forum terbuka kepada orang ramai berkaitan ilmu fardhu ain khususnya solat dan ilmu fardhu kifayah.

Menyarankan kepada pihak masjid dan penganjur majlis ilmu untuk membuat siaran langsung program berkaitan ilmu fardhu ain khususnya solat dan ilmu fardhu kifayah. di media sosial

seperti *Facebook, Instagram, Twitter* dan *Youtube* bagi lebih menarik perhatian orang awam dan mereka yang berada di lokasi jauh atau tidak boleh hadir ke majlis tersebut.

Menyebarkan risalah percuma tentang ibadah solat, ilmu fardhu ain dan fardhu kifayah kepada orang ramai.

8.0 KESIMPULAN

Solat merupakan ibadah yang utama di dalam Islam kerana solat merupakan satu bentuk perhambaan kepada Allah s.w.t. Ibadah ini menjadi tonggak kepada seluruh ibadah lain serta memainkan peranan penting dalam kehidupan manusia sebagai perisai dari perbuatan keji dan mungkar. Amalan dan kewajipan solat ini merupakan suatu bentuk didikan Ilahi yang semestinya akan mewujudkan kesan-kesan positif dalam berbagai aspek kehidupan manusia. Justeru, pengetahuan asas yang kukuh, kefahaman dan penghayatan yang baik berkaitan ibadah ini sudah pasti dapat meningkatkan amalan solat dalam kalangan belia dan menghindarkan diri mereka daripada perbuatan meninggalkan solat serta melakukan perkara-perkara yang boleh merosakan keperibadian mereka sebagai belia Muslim. Kerjasama dari semua pihak juga memainkan peranan penting bagi memastikan belia masa kini mempunyai kesedaran diri untuk melaksanakan solat fardu. Kewajipan, pelaksanaan, rahsia dan hikmah ibadat solat banyak diterangkan di dalam Hadis Nabi SAW. Ia merupakan semulia-mulia ibadat dan yang paling utama di antara pelbagai ibadat. Kewajipannya merangkumi semua umat Islam sehingga golongan yang sakit dan musafir pun wajib menunaikannya mengikut cara yang ditetapkan. Maka, hikmah di sebalik pensyariatan ibadat ini tidak terhitung sama ada dari aspek jasmani mahupun rohani. Dengan melaksanakan solat secara konsisten, akan dapat melahirkan generasi yang unggul dan tinggi nilai akhlakunya.

9.0 RUJUKAN

- Bandura, A. (1997). *Self-Efficacy: The Exercise of Control*. New York: W. H. Freeman. Barling.
- Chua Yan Piaw. (2006). *Asas Statistik Penyelidikan*. Kuala Lumpur: Mc Graw Hill.
- Hafiqah Mohd Hairuddin, Halimah Mohd Yusof & Rabeatul Husna Abdull Rahman (2021). *Gaya Kepimpinan Transformasi dan Efikasi Kendiri dalam kalangan Pemimpin*. 13:2-2 (2021) 87–93 | www.sainshumanika.utm.my | e-ISSN ISSN: 2289-6996. Penerbit UTM Press.
- Mohd. Majid Konting. (2005). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Edisi Ke-5. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Mohamad Kamal Sulaiman dan Hafizhah Zulkifli. 2021. Implikasi Solat Terhadap Akhlak dalam Kalangan Murid Sekolah Rendah. *Journal of Quran Education and Special Needs*. Volume 5. 2021. ms 1-13.
- Noraini Junoh & Nor Asmira Mat Jusoh. (2018). Falsafah Ibadat Solat berdasarkan al Sunnah: Analisis Pandangan Shah Wali Allah Al Dihlawi. *Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa*. SeFPIA 2018 | SPECIAL EDITION. ms 139-154.